

08 MAY 2002

SEKOLAH ALIRAN INGGERIS WAJAR DIPERKENALKAN -- ALI RUSTAM

ALOR GAJAH, 8 Mei (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata sekolah aliran Bahasa Inggeris wajar diperkenalkan semula secara percubaan.

"Saya rasa elok diperkenal sekolah aliran Inggeris ini di beberapa sekolah di sesuatu negeri dan kita kaji keberkesanannya," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco di sini, hari ini.

Beliau berkata hasil sama ada peningkatan bahasa itu menerusi sekolah-sekolah percubaan itu akan dapat diketahui selepas beberapa tahun.

Katanya menerusi cara itu ia tidak mengganggu sistem pembelajaran sekarang yang berasaskan kepada bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan pengantar.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata bahawa kerajaan sedia menimbang untuk mewujudkan sekolah aliran Inggeris sekiranya ia diminta oleh orang ramai.

Mohd Ali berkata tahap penguasaan bahasa Inggeris bagi generasi kini adalah lemah berbanding generasi dahulu dan oleh itu bahasa berkenaan perlu diterapkan kepada kanak-kanak di peringkat sekolah rendah lagi.

-- BERNAMA

NO ZB